

SURAT PEKELILING K.P.U. BIL. 4/1973
Pemusnahan R/S Fail (Requisition for Survey File) yang lama.

Bagi menjimatkan ruang di dalam pejabat, adalah diputuskan bahawa semua fail-fail R/S yang mana tindakan telah diselesaikan, tidak payah disimpan sekiranya telah lebih dari 10 tahun dari tarikh diselesaikan. Diselesaikan disini maksudnya selepas hak milik dikeluarkan oleh pendaftar hakmilik-hakmilik atau Pejabat Tanah yang berkenaan.

2. Apabila telah sampai 10 tahun selepas dari tarikh diselesaikan , fail-fail ini hendaklah dikeluarkan dan dimusnahkan. Fail-fail ini tidak payah dihantar kepada Arkib Negara tetapi hendaklah dimusnahkan oleh tuan. Satu senarai mengenai fail-fail yang dimusnahkan itu hendaklah disediakan dan disimpan, di pejabat tuan untuk rekod.
3. Walau bagaimanapun, sekiranya ada fail-fail yang mana tuan fikirkan patut disimpan, tuan bolehlah menggunakan kebijaksanaan tuan dan simpanlah fail-fail yang tersebut.
4. Sila ambil tindakan seberapa awal yang boleh untuk mematuhi perkara di atas.
5. Keputusan ini telah dipersetujui oleh Ketua Pengarah Arkib dan Perpustakaan Negara.

PAUL FOO

b.p. Ketua Pengarah Ukur,
Semenanjung Malaysia.

Tarikh: 5hb.Jun.1973.